

Ragam Ayat



Nota SMART

Ragam ayat terdiri daripada ayat aktif dan ayat pasif.

Ayat aktif

1. Ayat aktif mengandungi kata kerja yang mengutamakan subjek asal sebagai unsur yang diterangkan.
2. Ayat aktif terdiri daripada ayat aktif transitif dan ayat aktif tak transitif. contoh:
 - Zalia menaip surat itu. (ayat aktif transitif)
 - Pekerja itu sedang berehat. (ayat aktif tak transitif)

Ayat Pasif

1. Ayat pasif mengandungi kata kerja transitif yang dipasifkan dan mengutamakan objek sebagai unsur yang diterangkan.
2. Ayat pasif terbahagi kepada tiga kategori utama, iaitu:
 - (a) Ayat pasif dengan imbuhan kata kerja di- dan ter-
Contoh: Surat itu ditaip oleh Zalia.
 - (b) Ayat pasif dengan kata ganti nama diri pertama dan kedua
Contoh: Latihan itu telah saya siapkan semalam.
 - (c) Ayat pasif dengan kata bantu pasif kena
Contoh: Peragut itu kena tangkap oleh polis.

Praktis PT3 Bahagian A

Soalan 1 – 4

Pilih ayat-ayat yang betul.

1. I Wang saku yang ibu berikan digunakan oleh Hayati secara berhemat.
II Banyak pengetahuan dia peroleh dengan membaca pelbagai bahan bacaan.
III Encik Zamarul ditangkap oleh pihak polis atas kesalahan pecah amanah.
IV Pak Mail memarahi Danial kerana mengait buah mangganya tanpa kebenaran.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
2. I Latihan Matematik itu disiapkan oleh saya malam tadi.
II Sultan Johor mengingatkan rakyatnya agar sentiasa mematuhi undang-undang.
III Ceramah motivasi untuk para belia akan disampaikan oleh beliau pada pagi esok.
IV Tindakan tegas akan diambil oleh pihak berkuasa terhadap peniaga yang menaikkan harga barang sesuka hati.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
3. I Seminar kepimpinan itu akan dihadiri oleh kami.
II Jenayah rasuah akan kerajaan banteras secara menyeluruh.
III Beberapa orang pekerja sedang memasukkan barang ke dalam lori.
IV Dia menyerahkan telefon bimbit yang dijumpainya kepada pemilik sebenar.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
4. I Pengembara itu tidur beralaskan kotak.
II Muthu kena tegur oleh ibunya kerana tidak mengemas bilik tidur.
III Pembahagi jalan itu terlanggar lori yang membawa muatan kayu balak.
IV Marissa menghadihkan gurunya sehelai selendang bersempena dengan Hari Guru.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja



- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 7

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5. Pemandu lori itu polis trafik tahan kerana membawa muatan melebihi had yang ditetapkan.
 - A ditahan oleh polis trafik
 - B polis trafik menahan
 - C menahan polis trafik
 - D polis trafik tahan
6. Pengurus-pengurus itu bermesyuarat untuk membincangkan tentang cara-cara meningkatkan kualiti kerja.
 - A bagi dibincang tentang
 - B bagi berbincang tentang
 - C untuk membincangkan
 - D untuk membincangkan tentang
7. Kerja itu akan disiapkan oleh saya dalam masa yang ditetapkan.
 - A akan saya siapkan
 - B saya akan siapkan
 - C saya akan menyiapkan
 - D akan disiapkan oleh saya
8. Pasukan polis itu saling tembak-menembak dengan tiga orang perompak yang berlindung di dalam bangunan lama itu.
 - A saling menembak akan
 - B saling tertembak dengan
 - C saling menembak dengan
 - D saling tembak-menembak dengan

Praktis PT3 Bahagian B

Tukarkan ayat aktif di bawah ini kepada ayat pasif.

1. Kami akan melaksanakan tugas itu dengan penuh tanggungjawab.

2. Mereka tidak menyukai pegawai yang bersikap pilih kasih itu.

3. Kerajaan telah melakukan pelbagai usaha untuk menerapkan perkhidmatan awam yang lebih berkualiti.

4. Ahli-ahli lembaga pengarah telah melantik Zahra sebagai pengurus operasi syarikat.

5. Ibu menasihati saya agar sentiasa amanah dan jujur dalam melakukan sesuatu tugas.
